

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
(KALABAKAN)**

TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kerangka pembangunan yang telah diperincikan oleh Kementerian bagi merealisasikan setiap satu fasa pembinaan Jalan Kalabakan-Serudung serta Kompleks Kastam Imigresen & Kuarantin (CIQ) Serudung, dan peranan yang dimandatkan kepada JKR Sabah bagi menjayakan kedua-dua projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Trans Borneo jajaran Kalabakan-Serudung telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah Inisiatif Belanjawan 2020. Peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan di bawah inisiatif ini bagi melaksanakan kajian terlebih dahulu. Skop kerja yang terlibat ialah kerja ukur tanah, penyiasatan tanah, environmental screening, kajian impak trafik, dan kajian impak sosial serta keperluan penyediaan Kompleks Kastam Imigresen & Kuarantin (CIQ).

Walau bagaimanapun, pada Jun 2020 Kementerian Kewangan telah memutuskan untuk tidak meneruskan semua inisiatif Belanjawan 2020 yang telah diumumkan. Lanjutan daripada itu, kerja-kerja awalan ini tidak dapat diteruskan kerana tiada peruntukan disalurkan kepada Kementerian ini.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek ini sekiranya dimohon dalam Rolling Plan yang akan datang dan diangkat kepada Agensi Pusat untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.